

15 penerima dikurniakan Bintang-Bintang Kebesaran NBD

Oleh : Aimi Sani

Foto: Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman, Hamzah Mohidin, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 15 orang penerima sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73, Tahun 2019 di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T) yang membawa gelaran 'Dato Paduka Seri'

kepada dua penerima, iaitu Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Singapura, Tuan Yang Terutama Lefenan Jeneral Melvyn Ong Su Kiat.

Istiadat diikuti dengan pengurniaan Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Pertama (P.S.P.N.B) yang membawa gelaran kepada 'Dato Seri Pahlawan' kepada tiga penerima, iaitu Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Jefri bin Pengiran Haji Abd. Hamid; Timbalan Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Laksamana Pertama Awang Haji Othman bin Haji Suhaili @ Suhaily; dan Pemerintah Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigedier Jeneral (U) Awang Mohammad



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T) yang membawa gelaran 'Dato Paduka Seri' kepada Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali,

Sharif bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim. Kebawah DYMM seterusnya mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama

(S.P.M.B) yang membawa gelaran 'Dato Seri Paduka' kepada empat penerima, iaitu Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hairol Arni bin Haji Abd. Majid; Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Paduka Steven Chong Wan Oon; Timbalan Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; dan Timbalan Menteri Pembangunan, Kementerian Pembangunan, Yang Mulia Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

Sementara itu, seramai dua orang lagi dikurniakan dengan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B) yang membawa gelaran 'Dato Paduka' kepada Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN), Awang Razali bin Haji Badar dan Mr. Paul Laverty.

Seterusnya baginda mengurniakan Darjah Seri Ugamah Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B) kepada Penguasa Pelajaran Ugamah, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Agama, Dayang Hajah Hamdiah binti Awang Haji Salleh.

Manakala tiga orang penerima lagi dikurniakan dengan Bintang Kebesaran Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B), iaitu Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif; dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohd. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T) yang membawa gelaran 'Dato Paduka Seri' kepada Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Singapura, Tuan Yang Terutama Lefenan Jeneral Melvyn Ong Su Kiat (kiri), dan Bintang Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (S.P.M.B) yang membawa gelaran 'Dato Seri Paduka' kepada Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Paduka Steven Chong Wan Oon (kanan).



BAGINDA juga berkenan mengurniakan Bintang Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (S.P.M.B) yang membawa gelaran 'Dato Seri Paduka' kepada Timbalan Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin (kiri); dan Timbalan Menteri Pembangunan, Kementerian Pembangunan, Yang Mulia Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin (kanan).

